

**DATE:** 15 JUNE 2013  
**PUBLICATION:** BERITA HARIAN  
**SECTION:** BUSINESS  
**HEADLINE:** SONA PETROLEUM GUNA RM495J AMBIL ALIH ASET  
**CATEGORY:** COMPANY NEWS  
**MEASUREMENT:** 120 CM<sup>2</sup>

## SONA Petroleum guna RM495j ambil alih aset

**SONA** Petroleum Bhd, yang dijangka meraih modal sehingga RM550 juta menerusi pelaksanaan tawaran awam permulaan (IPO), bercadang menggunakan RM495 juta daripadanya mengambil alih aset berkaitan minyak dan gas.

Sementara itu, baki RM33.79 juta lagi akan digunakan sebagai modal kerja dan RM21.21 juta untuk perbelanjaan penyenaaraiannya di Bursa Malaysia.

### Hasrat ambil alih aset

Syarikat pemilikan tujuan khas (SPAC) itu dalam satu e-mel berkata, ia bercadang untuk beroperasi sebagai sebuah syarikat penerokaan dan pengeluaran (E&P) berkaitan minyak dan gas persembirian.

“  
Syarikat  
berhasrat  
mengambil  
alih aset  
dalam  
fasa E&P  
rantai nilai minyak  
dan gas”

Pengarah Urusannya, Hadian Hashim, berkata syarikat berhasrat mengambil alih aset dalam fasa E&P rantai nilai minyak dan gas.

**Hadian Hashim,**  
Pengarah Urusan  
SONA Petroleum

### Sedia satu platform

“Perkembangan baru-baru ini, diikuti dengan keadaan semasa industri minyak dan gas, menampilkan persekitaran yang menggalakkan untuk pengambilalihan dan persekitaran operasi yang menarik aset E&P.

“IPO ini menyediakan satu platform kepada syarikat buat julung kalinya meneroka industri E&P,” katanya.

SPAC adalah syarikat yang tidak mempunyai operasi atau perniagaan yang menjana pendapatan ketika menawarkan IPO, namun melaksanakannya untuk mengumpul dana bagi mengambil alih operasi syarikat atau aset lain.

**BERNAMA**